

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26/05 / 2008

Najib sanggup jumpa lagi Dr. M

Daripada ZULKIFLI JALIL

SHARM EL-SHEIKH, Mesir 19 Mei - Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau sanggup berjumpa sekali lagi dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi membincangkan tindakan bekas perdana menteri itu keluar daripada UMNO.

Najib juga menegaskan beliau akan terus berbincang dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai usaha pengukuhan parti serta isu peralihan kepimpinan UMNO seperti yang telah dizahirkan oleh Abdullah sendiri.

Sambil berharap semua anggota parti bertenang berikutan tindakan Dr. Mahathir itu, Najib

Selama ini, segala masalah yang berbangkit telah diselesaikan melalui tindakan dalam UMNO dan bukan di luar UMNO

meminta mereka terus memberi keyakinan kepada usaha memulih dan mengembalikan kekuatan UMNO yang menjadi tunjang Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, beliau telah bercakap menerusi telefon dengan Abdullah mengenai perkara berkenaan.

Mengenai tindakan Dr. Mahathir, Najib berkata: "Saya berasa terkejut dan sedih kerana Tun Mahathir begitu banyak berjasa dan sumbangannya kepada parti dan negara sungguh tidak ternilai.

"Saya telah berjumpa dengan Dr. Mahathir sebelum ini dan saya sendiri sanggup berjumpa beliau sekali lagi untuk berbincang mengenai tindakan terburunya ini," katanya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan UMNO kepada wartawan Malaysia di sini hari ini. Najib berada di sini sejak semalam bagi menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) Mengenai Asia Barat.

Najib menegaskan, memandang BN telah mendapat majoriti untuk membentuk kera-

Um - 20/5/2008
**NAJIB
TUN
RAZAK**
Timbalan
Presiden
UMNO

jaan pada Pilihan Raya Umum Ke-12, parti itu akan menunai amanah yang diberikan rakyat untuk memerintah negara.

"UMNO adalah parti keramat orang Melayu dan menjadi tonggak kepada perjuangan bangsa Melayu sejak sekian lama dan pada masa akan datang.

"Adalah penting bagi kerajaan BN untuk terus menjalankan amanah dan tanggungjawab seperti yang dikehendaki rakyat," katanya.

Beliau berkata, UMNO tidak boleh membiarkan isu dalaman mengganggu-gugat tanggungjawabnya kepada rakyat.

"Selama ini, segala masalah yang berbangkit telah diselesaikan melalui tindakan dalam UMNO dan bukan di luar UMNO," katanya.